PENDAKWA RAYA

lwn.

AZIZ SALLEH

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KOTA BHARU
IDRIS YUSOFF H
[PERBICARAAN JENAYAH NO. 58-12-1986]
8 SEPTEMBER 1990

PROSEDUR JENAYAH: *Pengedaran dadah berbahaya - Anggapan statutori - Kebolehterimaan kenyataan hemat - Salahguna perkataan ketika mentadbir amaran - Memanggil semula saksi - Akta Dadah Berbahaya 1952 ss. 37(d), (da), 37A(1)(b), 39B(1)(a), 39B(2) - Kanun Acara Jenayah s. 425.*

Yang kena tuduh (YKT) telah ditangkap pada 9 Disember 1985 dan seterusnya dituduh dengan kesalahan mengedar dadah di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ("Akta berkenaan"). Pada masa YKT ditangkap ia ada membawa bersamanya satu beg plastik yang mengandungi daun-daun ganja. Tangkapan itu telah dilakukan oleh SP5 bersama seorang pegawai lain K/T 5293 setelah berlaku drama kejar-mengejar antara mereka dengan YKT. Oleh kerana kes pendakwa bergantung kepada keterangan SP5, ia telah disoalsiasat dengan terperinci oleh peguam YKT dan akibatnya timbul sedikit sebanyak ketidakseimbangan, terutamanya mengenai jarak kejar-mengejar. Walaubagaimanapun, Mahkamah mendapati ketidakseimbangan keterangan SP5 itu tidak menggugat kes pendakwa.

Pihak pendakwa juga mengemukakan kenyataan hemat YKT yang diberi olehnya kepada SP9. Oleh kerana kemasukan kenyataan hemat ini telah dibantah oleh peguambela YKT atas alasan kenyataan itu tidak diberi dengan kerelaan YKT, Mahkamah telah memerintahkan supaya diadakan bicara dalam perbicaraan. Peguam YKT telah menimbulkan isu bahawa kesalahgunaan perkataan ketika amaran ditadbirkan kepada YKT telah mengelirukan dan menjejaskan kehendak s. 37A(1)(b) Akta berkenaan. Di akhir bicara dalam perbicaraan ini, Mahkamah berpuashati bahawa amaran berkenaan telah tidak ditadbirkan mengikut kehendak undang-undang dan oleh itu kenyataan hemat YKT hendaklah ditolak. Dalam keterangan bersumpah, YKT telah menafikan yang ia membawa beg yang mengandungi ganja itu.

Diputuskan:

[1] Mahkamah memutuskan bahawa s. 425 Kanun Acara Jenayah tidak boleh digunakan bagi menambah keterangan atau membetulkan mana-mana kesilapan atau kesalahan yang telah dilakukan oleh mana-mana pihak. Ianya boleh digunakan apabila satu keterangan tambahan itu benar-benar diperlukan bagi mencapai satu keputusan yang adil.

[2] Dalam kes ini, Mahkamah mendapati bahawa permohonan ini mestilah ditolak kerana ia diperlukan untuk mengatasi kesilapan peguambela YKT sendiri dan oleh itu tidak wajar bagi Mahkamah menggunakan kuasanya di bawah s. 425 itu.

[3] Mahkamah mendapati bahawa pihak pembela tidak mempunyai pembelaan yang tegas, malahan sentiasa beralih corak dalam pendiriannya. Mahkamah mendapati bahawa SP5 adalah seorang saksi yang jujur dan boleh dipercayai manakala credibiliti YKT dicurigai.

[4] Mahkamah berpuashati bahawa YKTlah yang telah membawa beg berkenaan dari mula SP5 melihatnya hingga ketika YKT mencampakkan beg itu apabila ia dikejar oleh SP5 dan seorang pegawai polis lain.

[5] YKT telah gagal atas imbangan kebarangkalian untuk menyangkal anggapan statutori yang berbangkit terhadapnya ataupun menimbulkan apa-apa keraguan atau kesamaran terhadap kes pendakwa.

[Tertuduh disabitkan kesalahan.]

Kes-kes yang dirujuk:

Poon Heong v. Public Prosecutor [1949] MLJ 114
Public Prosecutor v. Forster Frank Edald Heinrich [1987] CLJ (Rep) 872
Public Prosecutor v. Badrulsham b. Badrom [1988] 2 MLJ 585
Tan Too Kia v. Public Prosecutor [1980] 2 MLJ 187
Public Prosecutor v. Phon Nam [1988] 3 MLJ 415
Ramli bin Kechik v. Public Prosecutor [1986] CLJ (Rep) 243
Hoesin b. Ghani v. Public Prosecutor [1958] MLJ 229
R v. Bropy [1981] 2 All ER 705
Wong Kam-ming v. The Queen [1979] 1 All ER 939
R v. Treacy [1944] 2 All ER 229

Perundangan yang dirujuk:

Dangerous Drugs Act 1952, ss. 2, 37(d), (da)(vi), 37A(1)(b), 39B(1)(a), 39B(2)
Criminal Procedure Code s. 425

Bagi pihak pendakwa raya - Azahar bin Haji Mohamed, dan Fredrick Indran Nicholas, Timbalan Pendakwa Raya
Bagi pihak yang kena tuduh - YM Tengku Sulaiman ibni Almarhum Sultan Ismail dan Zamani bin Abdul Rahim ; T/n. Tengku Sulaiman & Associates

PENGHAKIMAN

Idris Yusoff H:

Tuduhan terhadap Yang Kena Tuduh berbunyi:

> That you on 9 December 1985, at about 11.35 a.m., at Jalan Tepi Sungai, Rantau Panjang, in the State of Kelantan, did on your own behalf traffic in a dangerous drug, to wit; 785.2 grammes of cannabis, and you have thereby committed an offence under section 39B(1)(a) of the Dangerous Drugs Act 1952, punishable under section 39B(2) of the same Act.

Untuk membuktikan kesnya, pihak pendakwa telah memanggil hanya seorang "eye witness" iaitu SP5 Ibrahim Amir bin Che Mat - oleh itu wujudnya atau tidak kes pendakwa dari sudut pemilikan semata-mata bergantung kepada keterangan SP5. Keterangannya, pada 9 Disember 1985 jam lebih kurang 11.35 pagi beliau bersama rakannya K/T 5293 Saidina bin Omar berada di depan sebuah kedai gunting di Jalan Tepi Sungai Rantau Panjang. Mereka berdua tidak berpakaian seragam kerana mereka menjalankan tugas "stand by". Sewaktu itu SP5 terpandang kepada seorang lelaki Melayu datang dari arah Pengkalan Pa' Ya (iaitu satu-satunya pengkalan haram) dan menuju ke arah garaj Hj. Ab. Ghani. Pertama kali SP5 melihat lelaki Melayu ini (dikenali sebagai YKT), YKT berada lebih kurang 80 kaki dan sedang menuju ke arah tempat yang SP5 berdiri. YKT berseorang diri dan membawa satu beg kain warna biru (dicam sebagai P19) digalas pada bahu kanannya. Gerak-geri YKT telah mendatangkan syak kepada SP5 - yang demikian SP5 dan K/T Saidina berkeputusan hendak memeriksa YKT. Apabila YKT sampai di hadapan tempat SP5 berdiri YKT telah membelok ke kanan memasuki satu lorong menuju ke garaj Hj. Ab. Ghani kira-kira 30 kaki dari tempat SP5 berdiri. SP5 dan K/T Saidina mengikut YKT dari belakang. Setibanya di garaj itu SP5 melihat ada 2 lagi lelaki Melayu berdiri

dekat sebuah motokar yang berwarna merah memakai nombor pendaftaran TG 3879, YKT berada di sebelah pintu kiri belakang motokar itu manakala seorang berdiri dekat dengan pintu pemandu dan seorang lagi berdiri dekat pintu depan sebelah kiri.

Mereka bertiga ini hendak memasuki kereta tersebut apabila SP5 yang berada lebih kurang 3 kaki dari motokar itu memperkenalkan dirinya sambil menunjukkan kad kuasanya kepada ketiga-tiga orang itu. Seorang daripada mereka yang berdiri di sebelah pintu pemandu dan kemudian dikenali sebagai Badaruddin bin Embong telah menghulur kad pengenalannya kepada SP5 dan semasa itu juga YKT yang masih memegang beg biru itu terus lari membawa bersamanya beg itu. SP5 mengarah kedua-dua orang itu menunggu di garaj sementara beliau dan K/T Saidina menghambat YKT. YKT telah lari keluar daripada garaj itu menerusi pintu kecil belakang di sebelah kiri garaj itu dan terus memasuki ke celah-celah lorong di antara rumah-rumah di situ, dikejar oleh SP5 dan K/T Saidina. Kejar mengejar di celah lorong itu telah mengambil masa lebih kurang 15 hingga 18 minit sebelum YKT dapat ditangkap. Semasa kejar mengejar SP5 dan rakannya telah ketinggalan lebih kurang 30 kaki daripada YKT tetapi selain dari 2 kali sahaja, SP5 tidak hilang pandangannya ke arah YKT - itupun cuma sesaat dua sahaja dan selepas itu YKT dapat dilihat semula oleh SP5.

Mengikut SP5 lagi apabila YKT sampai di suatu lorong di belakang kedai Ah Kong beliau telah mencampak beg itu dan pada ketika itu SP5 berada lebih kurang 20 kaki di belakang YKT. SP5 dengan serta-merta mengambil beg itu sambil meneruskan kejaran ke atas YKT sehingga sampai ke Dinie Restoran. YKT masuk ke dalam restoran itu dan apabila beliau melihat SP5 dan K/T Saidina, YKT cuba melarikan diri lagi tetapi telah dihalang oleh kedua-dua anggota polis itu. YKTelah timbul sedikit pergelutan apabila kedua-dua anggota polis itu hendak menggari YKT tetapi pada akhirnya mereka berdua berjaya menangkap YKT.

YKT telah di bawa oleh kedua-dua anggota polis itu ke Balai Polis Rantau Panjang. Di satu bilik dalam balai polis itu SP5 telah membuka dan memeriksa beg itu di hadapan YKT dan ketua guard dan juga K/YKT Saidina di mana beliau mendapati di dalam beg itu 1 beg plastik berwarna hijau (P5). Di dalam P5 itu ada pula satu beg kertas (P6) dan dalam beg P6 itu ada bungkusan surat khabar Siam (P7). Setelah dibuka pula P7, SP5 mendapati 2 beg politen P8 A dan B dan di dalam kedua-dua beg politen ini terdapat 1 ikatan daun-daun kering yang disyaki ganja. Daun-daun kering ini telah diikat dan apabila dikira didapati tiap-tiap ikatan itu mengandungi 100 batang. Juga terdapat di dalam beg P19 satu kotak Colgate (P9) yang dibalut dengan suratkhabar Cina (P10).

Selepas itu SP5 memasukkan kesemua barang-barang itu ke dalam beg P19. Beg P19 bersekali dengan isi kandungannya kemudian diserah kepada DSP Othman (SP7).

Oleh sebab kes pendakwa bergantung kepada keterangan SP5, maka beliau telah disoalbalas oleh peguambela dengan sebegitu terperinci. Kesudahannya telah juga timbul sedikit sebanyak ketidakseimbangan (inconsistencies) khususnya tentang jarak kejar mengejar dan pengambilan masa dalam drama itu. SP5 telah juga menerangkan dalam drama kejar mengejar itu hanya 3 orang sahaja terlibat iaitu YKT yang sentiasa berada di hadapannya, beliau sendiri dan K/T Saidina Omar. Sungguhpun terdapat ketidakseimbangan dalam keterangan SP5 tetapi pada pendapat saya tidaklah menggugat kes pendakwa.

Untuk mengukuhkan lagi kesnya Timbalan Pendakwa Raya cuba menggunakan sebagai keterangan kenyataan hemat yang diberi oleh YKT kepada Insp. Shahruddin bin Badrom (SP9) pada 10 Disember 1985. Kemasukan kenyataan hemat ini telah dibantah oleh peguambela atas alasan kenyataan itu tidak diberi dengan kerelaan YKT disebabkan beliau telah diugut dan sebagainya.

Berdasarkan kepada bantahan ini Mahkamah telah memerintahkan supaya diadakan bicara dalam perbicaraan.

Di dalam perbicaraan ini pihak pendakwa telah mengemukakan 2 saksi iaitu Insp. Shaharuddin dan pegawai penyiasat Insp. Abdullah Othman serta juga menawar seorang D/K bernama Ariffin bin Sharif kepada pembela. Bagi pihak pembela pula hanya YKT seorang sahaja memberi keterangan.

Untuk menentukan kebolehterimaan kenyataan hemat Mahkamah mengarah kedua-dua pihak supaya menyentuhi perkataan-perkataan di dalam amaran (caution) sahaja kerana Mahkamah berpendapat tuduhan-tuduhan (allegations) yang dibangkit oleh pembela adalah tidak berasas. Walaubagaimanapun telah juga dibangkit oleh peguambela - dan tidak dipertikaikan oleh pendakwa - bahawa Insp. Shaharuddin bin Badrum (PSP1) telah mengguna beberapa perkataan berlainan dengan perkataan-perkataan yang digunakan di dalam s. 37A(1)(b) Akta Dadah Berbahaya 1952. Dalam mentadbirkan amaran itu Insp. Shaharuddin telah menggunakan perkataan "dipaksa" tidak "diwajib", perkataan-perkataan "sebahagian darinya" telah digunakan untuk perkataan "tidak" dan perkataan "akan" digunakan untuk perkataan "boleh". Mengikut peguambela kesalahgunaan perkataan demikian telah mengeliru dan menjejaskan kehendak dan semangat s. 37A(1)(b). Untuk mengukuhkannya lagi tikaiannya (contention) beliau berlandaskan kepada kes *Poon Heong v. Public Prosecutor* [1949] 1 MLJ 114 suatu keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Rayuan dan juga beberapa kes lagi iaitu *Public Prosecutor v. Forster Frank Edald Heinrich* [1987] CLJ (Rep) 872. *Public Prosecutor v. Badrulsham b. Badrom* [1988] 2 MLJ 585, dan *Tan Too Kia v. Public Prosecutor* [1980] 2 MLJ 187.

Bagi pihak pendakwa telah dihujah oleh Timbalan Pendakwa Raya bahawa sungguhpun ada beberapa perbezaan tetapi perbezaan itu tidak menjejaskan kehendak dan maksud amaran itu dan katanya, keputusan kes Poon Heong tertumpu kepada peninggalan dua rangkai kata. Tambahan pula bergantung kepada rangkai kata "or words to the like effect" maka amaran yang ditadbir kepada YKT bolehlah diterima.

Adalah menjadi autoriti yang menyatakan jika ada pihak-pihak menggunakan sesuatu amaran statutori (statutory caution) yang ditentukan oleh undang-undang Mahkamah telah membuat suatu approach yang berkehendakkan kepada suatu perlaksanaan yang ketat (strict compliance) mengikuti kehendak undang-undang itu.

Kepada saya peninggalan (omission) atau kesilapan perkataan boleh dikatakan, dalam setengah-setengah keadaan, tidaklah mudarat memandang kepada adanya rangkai kata "words to the like effect". Tetapi di dalam kes ini pada fikiran saya penggunaan perkataan-perkataan lain di dalam "amaran" itu khususnya perkataan-perkataan "sebahagian darinya" boleh mengakibatkan penjejasan kepada kehendak-kehendak dan tujuan amaran itu.

Sepertimana dapat dilihat dari perkataan-perkataan yang digunakan di dalam amaran statutori seseorang yang ditangkap tidak diwajibkan bercakap atau menjawab apa-apa soalan tetapi apa jua yang dicakapkan samada menjawab soalan atau tidak maka percakapan itu boleh digunakan sebagai keterangan. Maksud amaran ini adalah jelas - yakni apa-apa percakapan samada sebagai jawapan kepada soalan atau tidak boleh digunakan sebagai keterangan. Tetapi apabila dibaca amaran yang ditadbirkan oleh Insp. Shaharuddin kepada YKT didapati amat berbeza sekali fahamannya apabila beliau menggunakan perkataan-perkataan "sebahagian darinya" menggantikan perkataan "tidak". Kegunaan perkataan itu sememangnya menimbul fahaman bahawa tiap-tiap percakapan sebagai jawapan kepada soalan-soalan atau sebahagian

darinya sahaja boleh digunakan sebagai keterangan dan tidak termasuk mana-mana percakapan yang tidak menjawab mana-mana soalan - suatu pengertian yang lain daripada kehendak seksyen berkenaan.

Pihak pendakwa telah juga menyebut bahawa YKT dalam keterangannya telah memahami amaran itu tetapi kepada saya memahami "amaran tidak tepat" atau "amaran campuran" (adulterated caution) adalah tidak seperti memahami amaran sebenar.

Oleh yang demikian memandang kepada circumstances kes ini saya berpuashati yang amaran itu tidak ditadbir mengikut kehendak s. 37A(1)(b) Akta Dadah Merbahaya 1952. Saya terpaksa menolak kenyataan hemat (ID25) sebagai keterangan.

Daun-daun kering yang didapati di dalam beg politen P8 A dan B serta juga di dalam kotak Colgate (P9) telah dihantar kepada ahli kimia, Jabatan Kimia, Kuala Terengganu, Encik N.Hithaya Jeevan (SP1). Beliau telah mengesahkan bahawa daun-daun kering yang dihantar kepadanya adalah ganja mengikut takrif s. 2 Akta Dadah Merbahaya 1952 dengan jumlah berat bersihnya 785.2 gram.

Saksi pendakwa kelapan (SP8) ialah Insp. Abdullah bin Othman iaitu pegawai penyiasat dalam kes ini. Keterangan beliau adalah formal dan selain daripada mengarah jurugambar polis untuk mengambil beberapa keping gambar beliau telah juga membuat rajah kasar di tempat kejadian yang telah digunakan sebagai barang kes (P23).

Di dalam penghujahannya di akhir kes pendakwa peguambela telah menyatakan bahawa keterangan-keterangan SP5 adalah tidak munasabah - SP5 tidak mungkin dapat melihat YKT mencampak beg (P19) memandang kepada sekitar tempat kejar mengejar iaitu di celah-celah ruang rumah dan juga memandang kepada jarak di antara SP5 dengan YKT. Di samping itu peguambela telah juga merujuk kepada ketidakseimbangan antara laporan polis (P20) yang dibuat oleh SP5 dengan keterangan mengenai pengenalan diri dan permintaan kad pengenalan daripada YKT dan kedua-dua rakannya. Juga dibangkit tentang pemerhatian yang dibuat oleh SP5 terhadap YKT yang menimbulkan was-was dan seterusnya kemungkinan berlakunya tersalah orang iaitu bukan YKT yang membawa beg itu.

Semasa membentangkan penghujahan telah juga dibangkit tentang tanda-tanda menunjukkan "jalan" dalam plan kasar (P23). Tanda-tanda line putus itu telah dibuat oleh SP8 yang menunjukkan jalan yang dilalui oleh beliau dan SP5 pada keesokan hari iaitu 10 Disember 1985. Pada ketika itu peguambela minta kebenaran Mahkamah agar dapat beliau memanggil semula SP5 menanda arah kejar mengejar. Permohonan itu dibuat berdasarkan kepada s. 425 Kanun Acara Jenayah. Untuk menyokong permohonannya peguambela telah juga merujuk kepada kes *Public Prosecutor v. Phon Nam* [1988] 3 MLJ 415 dan juga *Ramli bin Kechik v. Public Prosecutor* [1986] CLJ (Rep) 243. Kedua-dua kes ini menghuraikan di dalam keadaan manakah s. 425 Kanun Acara Jenayah patut digunakan. Peguambela juga mengakui kesilapan itu adalah terbit daripada terlepas pandangan (oversight) dan kesalahan ini tidaklah boleh dibebankan ke atas YKT. Timbalan Pendakwa Raya sebelum menghujah balas telah memberi jawapan kepada permohonan di bawah s. 425. Beliau telah menyuarakan bantahannya atas kegunaan s. 425 kerana SP5 telah disoalbalas dengan panjang lebar dan teliti mengenai drama kejar mengejar oleh peguambela dan jika permohonan itu dibenar dengan secara tidak langsung membolehkan peguambela membuka semula kes ini; yang demikian memberi peluang kali kedua kepada pembela - suatu duluan (precedent) yang merbahaya. Soal arah kejar mengejar bukanlah suatu isu yang dibangkit secara mengejut. Haluan kejar mengejar itu juga dibangkit apabila SP5 telah dirujuk kepada gambar-gambar P17 A-F-begitu juga semasa soalan balas ke atas SP8.

Pada fikiran saya sebagaimana saya pernah sentuh dalam kes *Public Prosecutor v. Mohd. Khairuddin bin Taib dan Abdullah Kuna* (Criminal Trial No.47(58)-18-87 dan Criminal Trial No.47(58)-19-87 seksyen ini tidak bertujuan untuk digunakan bagi menambah atau memperbetulkan mana-mana kesilapan atau kesalahan yang telah dilakukan oleh mana-mana pihak. Ia hanya boleh digunakan dalam kes-kes yang Mahkamah memutuskan bahawa keterangan tambahan itu benar-benar diperlukan bagi mencapai satu keputusan yang adil dan penggunaannya banyak bergantung kepada fakta-fakta dalam sesuatu kes - mungkin dalam kes yang mana fakta-fakta itu sebenarnya tidaklah dipertikaikan atau apabila sesebelah pihak telah menimbulkan suatu perkara (point) dalam perbicaraan itu yang mana mengikut kebijaksanaan dan kemahiran manusia (human ingenuity) tidak terfikir bahawa perkara yang sedemikian boleh berlaku. "Perlu tidaknya sesuatu keterangan itu (essentiality of evidence)" adalah menjadi tujuan utama dan ianya tidaklah boleh dipandu oleh pemikiran kali kedua pihak terlibat, kalau tidak mungkin akan menyebabkan bertambah panjangnya masa perbicaraan itu, kerana mana-mana pihak boleh memohon kepada mahkamah untuk mengambil keterangan yang lebih lanjut bagi menyokong versinya yang telah diubah atau bagi memenuhkan segala kelonggaran yang terdapat dalam keterangan pihaknya.

Merujuk kepada kes ini, adakah ianya termasuk dalam kategori yang tersebut di atas? Pada pendapat saya adalah jelas sekali bahawa ianya tidak - malah sebenarnya masalah ini telah tertimbul kerana kesilapan pihak pembela sendiri.

Kes Mahkamah Agung *Ramli bin Kechik v. Public Prosecutor* [1986] CLJ (Rep) 243 yang telah dirujuk oleh peguambela telah menerang dengan jelas tujuan sebenar s. 425; tambahan pula keadaan sebenar dalam kes tersebut adalah jauh berbeza dengan keadaan dalam kes ini. Dalam hubungan ini adalah juga berfaedah jika dibuat rujukan kepada suatu ujian (test) yang telah diketarakan oleh Hakim Rigby (ketika itu) dalam kes yang berkaitan dengan *Adam Aman: Hoesin b. Ghani v. Public Prosecutor* [1958] MLJ 229 yang mana ianya adalah seperti berikut:

> Would it result in an injustice being done to the accused? In resolving that question technical points ought not to prevail where there is a possibility of their being remedied without doing any injustice.

Setelah mendengar hujah-hujah daripada kedua-dua pihak Mahkamah telah menolak permohonan itu kerana difikirkan tidaklah wajar bagi Mahkamah mengguna kuasa-kuasa di bawah s. 425.

Bagi menjawab seterusnya penghujahan peguambela Timbalan Pendakwa Raya telah merujuk kepada beberapa autoriti yang menyebut pada setakat ini pihak pendakwa hanya dikehendaki mewujudkan kes *prima facie* dan tidak semestinya mewujudkan kes tanpa was-was (beyond reasonable doubt). Beliau juga merujuk kepada keterangan saksi penting pihak pendakwa iaitu SP5 dan berhujah sungguhpun ada sedikit sebanyak ketidakseimbangan (inconsistencies) di dalam keterangannya tetapi pada keseluruhannya tidaklah menjejas kes pendakwa. Apa yang diceritakan oleh saksi tidak boleh dikatakan "inherently improbable". Tambahan lagi tindakan-tindakan yang diambil oleh SP5 adalah munasabah dan tidaklah terburu-buru. Yang demikian tidak ada sebab mengapa Mahkamah tidak patut menerima keterangannya.

Mengikut SP1, tambah TPR lagi, daun-daun kering itu didapati ganja setelah beliau menjalan pemeriksaan dan penganalisaan mengikut kaedah-kaedah saintifik dan berat bersih ganja itu ialah 785.2 gram.

Mahkamah, setelah meneliti keterangan-keterangan yang diberi oleh saksi-saksi pendakwa dengan mengambil kira tentang wujudnya ketidakseimbangan dan juga setelah mendengar penghujahan-penghujahan daripada kedua-dua pihak, berpuashati bahawa pada hari dan

waktu kejadian, ada di dalam kawalan atau jagaan YKT ganja seberat 785.2 gram bersih. Yang demikian menurut anggapan-anggapan yang diperolehi di bawah s. 37(d) dan (da)(vi) satu kes prima facie telah wujud terhadap YKT dan seterusnya beliau dikehendaki membela diri.

YKT telah diberi huraian atau ketiga-tiga pilihan dalam cara-cara membentang pembelaannya, beliau telah membuat pilihan memberi keterangan bersumpah.

Di dalam keterangannya beliau berkata pada 8 Disember 1985 jam lebih kurang 2.30 petang semasa beliau berada di rumahnya di Padang Midin, Kuala Terengganu datang 2 orang kawannya Badaruddin bin Embong dan Suhaimi bin Ab. Ghani. Mereka berdua datang dengan kereta Badaruddin - kereta itu seperti ditunjuk dalam gambar P17F. Kedatangan mereka berdua ialah untuk mengajak YKT bersama mereka ke Golok. Pada awalnya YKT enggan pergi bersama disebabkan masalah kewangan tetapi setelah diberi kepercayaan bahawa masalah kewangan dan keselamatan adalah terjamin maka beliau pada akhirnya bersetuju ikut sama.

Yang demikian pada hari yang sama jam lebih kurang 3 petang mereka bertiga berlepas ke Golok dengan YKT membawa RM160/-. Sampai di Rantau Panjang kereta yang dipandu oleh Badaruddin telah disimpan di sebuah garaj - iaitu garaj Hj. Ab. Ghani - seperti yang ditunjuk di dalam P17 C dan D. Di dalam but motokar itu terdapat satu beg (P19) yang dikeluarkan oleh Suhaimi. Selepas itu mereka bertiga menyeberangi Sungai Golok dan bermalam di sebuah hotel seorang sebilik. Selepas mandi mereka bertiga keluar makan dan selepas itu mereka mendapat perempuan seorang satu dan membawa balik ke bilik masing-masing. Pada keesokan hari (9 Disember 1985) jam lebih kurang 10 pagi waktu Thailand (bersamaan 11 pagi waktu Malaysia) mereka bertiga keluar dari hotel itu dan selepas makan pagi bersedia hendak pulang ke Kuala Terengganu. Mereka menyeberangi Sungai Golok melalui pengkalan haram juga - beg P19 itu dibawa oleh Suhaimi. Setibanya mereka di Rantau Panjang YKT merasa kepalanya pening dan beliau pergi ke sebuah kedai untuk membeli minyak cap kapak tetapi di kedai itu minyak itu tidak dijual. YKT kemudian menuju ke tempat kawan-kawannya yang dahulu berada dan mendapati mereka telah beredar dari situ. YKT nampak kawan-kawannya menuju ke garaj Hj. Ab. Ghani dan beliau mengikuti mereka lebih kurang 15 kaki dari belakang. YKT sempat bersama kawan-kawannya sebelum mereka tiba ke garaj itu.

Setibanya di garaj itu YKT diminta oleh Badaruddin mengambil kunci kereta yang disimpan dengan pemunya garaj itu dan sewaktu itu Badaruddin berada di pintu belakang kereta sebelah kanan manakala Suhaimi berada di pintu depan sebelah kanan juga - YKT berada di sebelah kiri kereta antara pintu depan dan belakang.

Setelah YKT berjalan dua langkah tiba-tiba kedengaran suara berbunyi “Saya anggota polis”. Sesaat itu juga Suhaimi terus lari. Kemudian kedengaran pula suara menyatakan “Minta kad pengenalan” dan suara itu dituju kepada Badaruddin. Sebagai respons kepada permintaan itu Badaruddin menghulurkan kad pengenalannya kepada anggota polis - ada 2 anggota polis pada masa itu dan mereka berdua berpakaian preman (in civies). Selepas sahaja menghulur kad pengenalannya Badaruddin pun lari ke sebelah kanan garaj. Melihatkan Badaruddin lari YKT pun turut lari sama menuju ke sebelah kanan garaj itu. Suhaimi pada awal lagi lari ke sebelah kiri garaj tersebut.

Setelah berlari mengikut celah-celah rumah YKT mendapati Badaruddin tidak kelihatan lagi. Walau bagaimanapun YKT terus lari dan tiba-tiba sedar yang beliau telah sampai ke jalan besar. Sampai sahaja di jalan besar YKT berhenti berlari tetapi terus berjalan menuju ke arah pekan Rantau Panjang. Sejurus kemudian beliau tiba di sebuah restoran bernama Dinie Restoran - YKT masuk ke dalam restoran itu bertujuan hendak minum kopi dan juga berehat.

Di dalam restoran itu beliau telah dilayani oleh seorang perempuan dan setelah minuman siap perempuan itu meletakkan minuman itu di atas meja di hadapan YKT. Semasa itu juga ada seorang lelaki Melayu berpakaian biasa menanya YKT "Mana beg". YKT bertanya balik "beg apa" tetapi lelaki Melayu itu menujukan lagi soalan itu kepada YKT. Pada akhirnya YKT menjawab "Saya tidak tahu beg apa" sambil mengangkat tangan kanan sebagai isyarat yang beliau tidak tahu-menahu tentang beg yang dimaksudkan. Semasa itulah kedua-dua tangan YKT telah digari oleh lelaki Melayu itu. YKT telah ditarik keluar ke kaki lima kedai di mana beliau telah ditampar dua kali dan sekali ditendang di belakang. Sejurus kemudian datang seorang lagi anggota polis - juga berpakaian biasa. YKT ditarik oleh anggota polis yang pertama tiba ke restoran itu ke belakang lorong restoran - yang seorang lagi berada di hadapan. Sampai di hujung lorong itu mereka membelok ke sebelah kiri.

Setelah berjalan 20 kaki dari penghujung lorong itu YKT telah dibawa melalui celah-celah lorong rumah. Baru saja masuk ke celah-celah lorong itu YKT nampak di tangan anggota polis yang hadapan satu beg biru (P19) - pada masa itu jarak antara anggota polis itu dengan YKT lebih kurang 35 kaki. YKT dibawa keluar dari celah-celah lorong rumah ke Jalan YKTepi Sungai di mana ada sebuah kereta merah yang berhenti di sebelah kanan menghala ke pekan besar Rantau Panjang. YKT diarah masuk ke dalam kereta itu dan dibawa ke Balai Polis Rantau Panjang.

Beberapa pakaian telah juga dijumpai di dalam beg itu tetapi YKT menafi pakaian tersebut kepunyaannya, YKT hanya mengaku sepasang cermin mata hitam kepunyaan beliau - cermin mata itu semasa berlari telah disangkut ke celah butang bajunya, juga sarong cermin mata yang dilekatkan ke tali pinggangnya. Barang-barang yang berada di dalam beg itu didapati tidak sama dengan saiz yang digunakan oleh YKT. Beliau juga menyangkal keterangan SP5 yang menyatakan beliaulah yang mencampak beg itu setelah berlaku kejar mengejar di celah-celah lorong rumah. Beliau menegaskan pada hari itu Suhaimi seorang sahaja yang membawa beg itu.

Di dalam soalan balas oleh Timbalan Pendakwa Raya didapati di antara lain dua perbezaan di dalam keterangan YKT yang diberi semasa bicara dalam perbicaraan dan semasa membela diri. Kedua-dua perbezaan itu ialah - di dalam bicara dalam perbicaraan YKT telah mengata "Tiada sesiapa di antara kami bertiga membawa beg biru (P19) itu" dan yang satu lagi "D/Kpl Yusofflah yang menangkap YKT di Dinie Restoran dan SP5 tiada kaitan langsung dalam penangkapan itu". Manakala pula di dalam keterangan membela diri YKT ada berkata "Suhaimilah yang melarikan beg itu" dan beliau "tak dapat pasti anggota polis yang mula menangkap saya di Dinie Restoran - tak pasti samada SP5 atau lain orang. Tak dapat pasti samada D/Kpl. Yusoff b. Hasnan".

Tujuan Timbalan Pendakwa Raya menimbulkan perbezaan-perbezaan ini ialah untuk mencerminkan sifat-sifat dan perangai YKT yang sering menukar-nukar ceritanya - yang demikian akan menunjukkan YKT adalah seorang saksi yang sukar hendak diterima keterangannya.

Bagi pihak pembela telah dihujahkan oleh sebab kenyataan hemat YKT telah ditolak oleh Mahkamah maka apa-apa kenyataan atau keterangan yang diberi semasa bicara dalam perbicaraan tidaklah boleh lagi diguna untuk dibuat bandingan dengan keterangan beliau semasa membela diri.

Dalam soal ini rujukan telah juga dibuat kepada kes di England iaitu *R v. Bropy* [1981] 2 AER 705 suatu keputusan yang dibuat oleh House of Lords yang bersetuju dengan keputusan Majlis Privy dalam kes *Wong Kam-ming v. The Queen* [1979] 1 AER 939. Di dalam kes Wong Kam-ming satu daripada soalan yang dibentang untuk mendapat kepastian ialah:

In the event of the accused giving evidence in the main trial, may he be cross-examined in respect of statements made by him during that voire dire?

Pada menjawab soalan itu Majlis Privy bersetuju dengan keputusan dalam kes *R v. Treacy* [1944] 2 AER 229 yang menyatakan:

Where the accused's answers under police interrogations were held inadmissible, he could not be cross-examined to elicit that he had in fact given those answers.

Lord Edmund-Davies dalam keputusannya di muka surat 945 berkata:

In their Lordships' judgment, *R v. Treacy* was undoubtly correct in prohibiting cross-examination as to the contents of confessions which the court has ruled inadmissible. But what if during the voire dire the accused has made self-incriminating statements not strictly related to the confession itself but which nevertheless have relevance to the issue of guilt or innocence of the charge preferred? May the accused be cross-examined so as to elicit those matters? In the light of their Lordships' earlier conclusions that the Crown may not adduce as part of its case evidence of what the accused said during a voire dire culminating in the exclusion of an impugned confession, can a different approach here be permitted from that condemned in *R v. Treacy*?. And, having already concluded that the voire dire statements of the accused are not admissible during the presentation of the prosecution's case, their Lordships find it impossible in principle to distinguish between such cross-examination of the accused on the basis of the voire dire as was permitted in the instant case by the trial judge and upheld by the majority of the Court of Appeal and that cross-examination based on the contents of an excluded confession which, it is common ground, was rightly condemned in *R v. Treacy*.

Dan di mukasurat 946 beliau juga berkata:

In the instant case, however, the challenged confession was excluded. It therefore follows that in the judgment of their

Lordships no less than three substantial irregularities occurred in the trial: (1)... (2)... (3)... the accused was permitted to be cross-examined so as to demonstrate that what he had said in chief was inconsistent with his statement in the voire dire.

Lord Hailsham, sungguhpun tidak menyetujui di atas satu dua isu yang lain, telah juga berkata:

If, as happened in the instant appeal, the prosecution were to be permitted to introduce into the trial the evidence of the accused given in the course of the voire dire when the statement to which it relates has been excluded whether in order to supplement the evidence otherwise available as part of the prosecution case, or by way of cross-examination of the accused, the important principles of public policy to which I have referred would certainly become eroded, possibly even to vanishing point.

I also agree with the opinion of the majority that when and if the statement has been admitted as voluntary and the prosecution attempt to cross-examine an accused on discrepancies between his sworn testimony on the voire dire and his evidence on the general issue at the trial, rather different considerations apply.

Berpandu kepada kedua-dua kes tersebut saya berpendapat dengan sebab kenyataan hemat telah ditolak oleh Mahkamah mana-mana keterangan yang diberi oleh YKT semasa bicara dalam perbicaraan tidaklah boleh dibuat rujukan meskipun untuk tujuan yang dihuraikan oleh Timbalan Pendakwa Raya. Oleh itu kedua-dua perbezaan yang dimaksudkan itu tidak diambilkira oleh Mahkamah.

Dengan ketidakambilan kira perbezaan itu bagaimana pula kedudukan kes pendakwa pada keseluruhannya?

a Sebagaimana disebut terdahulu dari ini YKT menafikan yang beliau membawa beg itu - mengikutnya beg itu telah dibawa oleh Suhaimi -satu keterangan yang bertentangan sama sekali (diametrically opposed) dengan keterangan pihak pendakwa. Dalam isu ini Mahkamah hendaklah menimbang secara terperinci apa yang berlaku di garaj Hj. Ab. Ghani.

b Menurut YKT apabila terdengar suara "Saya ini anggota polis" Suhaimi pun terus lari membawa bersamanya beg itu. Badaruddin masih lagi berada di tempat kereta - beliau hanya lari selepas menghulur kad pengenalannya kepada anggota polis. Bagi saya sukar hendak menerima cerita ini. Apakah niat atau tujuan Badaruddin melarikan diri setelah kad pengenalannya berada di tangan polis -lambat laun polis akan dapat mengesannya juga dan apakah kesalahan yang dilaku olehnya - nampaknya cuma kesalahan pergi balik ke sebelah Thailand tanpa dokumen perjalanan yang sah. Meskipun demikian adakah pihak polis mengetahui yang beliau telah melakukan kesalahan itu? Sepanjang keterangan pihak pendakwa tidak terdapat apa-apa bukti sedemikian. Begitu juga mengenai YKT- beliau melarikan diri kerana takut ditangkap oleh polis kerana tidak juga ada dokumen perjalanan yang sah. Seperti Badaruddin, bagaimanakah polis mengetahui yang beliau telah melakukan kesalahan sedemikian sedangkan pertama kali SP5 melihatnya , beliau sedang berjalan melalui Jalan Tepi Sungai dari arah Pengkalan Pa' Ya. SP5 tidak nampak YKT menyeberangi Sungai Golok, melihat seseorang berjalan dari arah Pengkalan Pa' Ya tidak semestinya orang itu datang dari Golok!

d Kalaulah benar Suhaimi yang melarikan beg itu nescaya SP5 dan rakannya akan mengejar Suhaimi tanpa membuang masa kerana tujuan SP5 pergi ke garaj itu ialah untuk memeriksa beg itu. Oleh itu apa yang diterangkan oleh SP5 yang beliau minta kad pengenalan mereka bertiga sebelum YKT melarikan diri adalah menasabah.

e Arah atau haluan YKT melarikan diri juga menimbulkan suatu keanehan. Jika diikuti cerita YKT tentang posisi beliau dan kedua-dua rakannya semasa SP5 menghampiri mereka, tidak mungkin beliau melarikan diri ke sebelah kanan garaj. Apabila disoal oleh Timbalan Pendakwa Raya barulah beliau sedar tentang kesangsian ceritanya - oleh itu beliau terpaksa mengubah ceritanya - kali ini kata beliau "Lari ke sebelah kiri garaj dan selepas itu barulah ke kanan."

f Dengan timbulnya beberapa kesangsian dalam cerita YKT mengenai insiden di garaj Hj. Ab. Ghani maka penting bagi Mahkamah meneliti beberapa perkara dalam keterangannya untuk menentukan "credibility"nya - samada YKT ialah seorang saksi yang "worthy of credit".

g Di dalam hubungan ini perhatian Mahkamah juga ditarik kepada beberapa aspek di dalam keterangan YKT yang menonjolkan bahawa beliau adalah seorang saksi yang ceritanya tidak dapat diterima. Pertamanya, tentang pemergian YKT ke Golok. Mengikut beliau pemergian itulah kali pertama beliau ke Golok tetapi apabila disoal tentang catatan yang dibuat oleh beliau di belakang kad perniagaan (business card -P28) yang diberi kepadanya, jawapannya tidak meyakinkan - khususnya jawapan mengenai catatan haribulan "4 Oktober 1985". Pendapat saya pemergian YKT ke Golok pada 8 Disember 1985 bukanlah kali pertama - apatah lagi pendapat ini telah juga disokong oleh peguamnya semasa menggulung hujah pembela.

h Kedua, tentang perbelanjaan YKT semasa berada di Golok. YKT memberitahu Mahkamah yang beliau hanya membelanja RM30.00 sebagai bayaran perkhidmatan kepada perempuan yang menemaninya pada malam 8 Disember 1985. Apakala disoal pula di mana pergi RM30.00 lagi jawapannya RM20.00 diberi kepada perempuan itu sebagai "tip" kerana sambil perkhidmatan lain perempuan itu juga telah mengurutnya manakala lebih kurang RM8.00 lagi diguna untuk membeli rokok. Soal pemberian tip pada awalnya tidak timbul langsung sehingga disoal oleh Timbalan Pendakwa Raya. Kalaulah betul RM20.00 ini diberi sebagai tip nescaya fakta ini tidak ketinggalan dalam pemeriksaan utamanya.

i

Ketiga, tentang peristiwa kejar mengejar. Peristiwa ini sebagaimana boleh dilihat meliputi jarak yang tidak jauh tetapi memandang kepada keterangan YKT, sesampai sahaja di jalan besar beliau berjalan menuju ke arah pekan Rantau Panjang. Sejurus kemudian beliau tiba dan masuk ke dalam Restoran Dinie - tujuannya hendak minum kopi. Di dalam restoran itu sempat juga beliau meminta kopi dan menunggu penyediaan dan pembawaan secawan kopi ke mejanya sebelum beliau ditanya oleh seorang lelaki Melayu "Mana beg". Cerita ini menggambarkan bahawa jaraknya dengan "lelaki Melayu" amat jauh dan mengambil masa beberapa minit sebelum lelaki itu bersua dengannya sedangkan keseluruhan jarak kejar mengejar adalah di antara 100 dan 150 ela sahaja. Keempat, tentang "jarak" YKT dengan seorang anggota polis semasa beliau dibawa dari Restoran Dinie ke motokar dan jumpaan beg oleh anggota itu. Kepada saya tidak mungkin semasa seorang anggota polis berjalan lebih kurang 35 kaki di hadapan YKT kerana tiada sebab bagi beliau berbuat demikian. Pada masa itu cumanya ada 2 anggota polis sahaja dan mereka berdua mesti berada di samping YKT oleh kerana beg itu sudahpun berada dalam milikan mereka. Cerita YKT tentang jarak itu adalah rekaannya sahaja.

Memandang kepada fakta-fakta dan "circumstances" yang disebut di atas saya berpendapat "credibility" YKT tidaklah menyakinkan.

Satu isu penting yang perlu Mahkamah mengambil kira ialah tentang percanggahan di dalam keterangan YKT dengan "foundation" atau masa yang dibentuk oleh pihak pembela mengenai siapa yang sebenar melarikan beg itu. YKT meletakkan ke atas Suhaimi sebagai orang yang melarikan beg itu tetapi apabila dirujuk kepada 'foundation' atau asas pembela yang dibentuk semasa pembentangan kes pendakwa terbukti bahawa pihak pembela meletak ke atas Badaruddin sebagai orang yang melarikan beg itu. Ini didapati dari soalan-soalan dalam pemeriksaan balas ke atas SP5 oleh peguambela:

> *Put:* I don't agree that the person who carried the bag was the one who gave me his identity card.

Setelah menatap laporan polis yang dibuat oleh SP5 peguambela menerus soalan balasnya seperti berikut:

> *Question:* Do you still say that the person who gave you the identity card was not the person who carried the bag?
>
> *Answer:* Yes.

Pihak pembela tidak mempertikaikan orang yang menghulur kad pengenalannya kepada polis semasa berada di garaj ialah Badaruddin bin Embong. Percanggahan ini menunjukkan bahawa pihak pembela tiada pembelaan yang tegas (decisive) dan sebaliknya sentiasa beraleh corak di dalam pendiriannya.

Memandang kepada kes ini pada keseluruhannya pada pendapat saya bahawa SP5, sungguhpun ada terdapat sedikit sebanyak ketidakseimbangan dalam keterangannya adalah seorang saksi yang jujur dan boleh dipercayai manakala "credibility" YKT adalah mencurigai, seterusnya adalah menjadi pendapat fakta saya (findings of fact) bahawa YKTlah yang membawa beg itu dari mula SP5 melihat beliau datang dari arah Pengkalan Pa' Ya, semasa berada di garaj Hj. Ab. Ghani, terus melarikan diri apabila SP5 memperkenalkan diri sebagai anggota polis mencampak beg itu apabila dikejar oleh SP5 dan K/T Saidina bin Omar dan akhirnya ditangkap oleh SP5 dengan dibantu oleh K/T Saidina bin Omar di Restoran Dinie, manakala Badaruddin dan Suhaimi pula tidak melarikan diri dan berada di garaj Hj. Ab. Ghani pada masa itu. Dengan demikian saya berpuashati bahawa pihak pembela gagal di atas

imbangan kebarangkalian (balance of probablities) menyangkal (rebut) anggapan-anggapan statutori yang terbangkit terhdap YKT atau menimbul apa-apa keraguan atau samaran terhadap kes pendakwa. Yang demikian YKT didapati bersalah di atas tuduhan yang dikemukakan terhadapnya (accused is found guilty on the charge preferred against him). YKT disabitkan (accused is convicted).

Also found at [1991] 1 CLJ 85